

Pengetahuan Terhadap Bahasa Kebangsaan Sebagai Teras Pembinaan Peradaban Malaysia Dalam Kalangan Mahasiswa di Lembah Klang

Knowledge of the National Language as the Foundation of Malaysian Civilization among University Students in the Klang Valley

Adlina Ab. Halim¹, Siti NorAzhani Mohd Tohar², Ku Hasnita Ku Samsu³

¹Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

²Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

³Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 3 September 2018

Disemak: 4 September 2018

Diterbit: 30 November 2018

*Corresponding Author:

Adlina Ab. Halim

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

43400 Serdang,

Selangor, Malaysia

Email: adlina@upm.edu.my

Abstrak: Makalah ini bertujuan membincangkan tahap pengetahuan bahasa kebangsaan dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi (awam dan swasta) dari aspek i) sejarah, ii) dasar dan iii) kedudukan bahasa Melayu di dunia. Sehubungan itu, satu kajian telah dijalankan di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Multimedia dan Unisel, Selangor. Seramai 460 orang responden diperoleh melalui kaedah pensampelan rawak berstrata. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik dan dianalisis secara deskriptif. Hasil dapatan menunjukkan majoriti mahasiswa IPT mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap semua dimensi, iaitu sejarah, dasar dan kedudukan bahasa Melayu di dunia. Namun, terdapat beberapa item dalam dimensi dasar dan kedudukan bahasa Melayu yang menunjukkan pengetahuan yang rendah. Justeru, pengetahuan mengenai dasar bahasa kebangsaan dan kedudukan bahasa Melayu di dunia perlu dipertingkatkan melalui media massa atau dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar mahasiswa dapat lebih menghayati Perkara 152 Perlembagaan Malaysia mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi teras kepada perpaduan seterusnya tamadun Malaysia.

Kata kunci: Tamadun; pengetahuan; bahasa kebangsaan; mahasiswa

Abstract: This paper aims to discuss the level of knowledge towards national language among university students in the higher institution of education (public and private) namely, i) history, ii) policy and iii) the position of Malay language in the world. Therefore, a study was conducted at Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Multimedia University and UNISEL, Selangor. A total number of 460 respondents were involved through stratified random sampling. The data were collected using questionnaires and was analyzed descriptively. The findings show that majority of IPT students have high knowledge in all dimensions, namely the history, policy and the position Malay language globally. However, there are some items in the section of policy and position of Malay language that indicated low level of knowledge. Hence, knowledge towards national language policy and the position of Malay language in the world should be enhanced through mass media or in the process of teaching and learning. This is vital so that students can have better appreciation of the Article 152 in the Malaysian Constitution which focuses on Malay language as the national language, the foundation for unity and building Malaysian civilization.

Keywords: Civilization; knowledge; national language; university student.

Pengenalan

Penetapan satu bahasa kebangsaan menjadi keperluan penting dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat multi etnik, iaitu 67.4% bumiputera (Melayu, Sabah & Sarawak), 24.6% Cina, 7.3% India dan 0.7% etnik lain-lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Oleh yang demikian, Perkara 152(1) telah memperuntukkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan sebagaimana peruntukan di bawah:

Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang Parlimen.

Bahasa merupakan salah satu faktor yang dapat mengikat anggota-anggotanya bagi pembentukan negara bangsa yang kompleks yang membezakan mereka dengan negara bangsa yang lain (Kohn, 1967). Para sarjana bersetuju bahawa perpaduan akan wujud apabila anggota masyarakat daripada pelbagai asal keturunan dan bahasa pertuturan dapat disatukan melalui perkongsian satu bahasa kebangsaan yang berperanan sebagai simbol identiti kebangsaan, penanda kerakyatan, wahana pengungkapan etos kebangsaan, alat penyatuan dan instrumen kemajuan rakyat dan negara (Teo Kok Seong, 2010; Nazaruddin Mohd Jali, et al., 2003). Untuk itu, bahasa adalah antara faktor utama dalam membangunkan tamadun Malaysia yang didiami oleh masyarakat multietnik pelbagai bahasa. Kepelbagaian bahasa ini tidak memungkinkan penyatuan antara kaum kerana interaksi antara mereka sukar berlaku melalui bahasa yang saling tidak difahami antara satu sama lain. Jelas bahawa peranan bahasa kebangsaan dapat merapatkan jurang antara kaum. Apabila berlakunya interaksi melalui satu bahasa yang dikongsi dan difahami, terbinalah perpaduan yang utuh seterusnya saling bekerjasama membangunkan tamadun Malaysia.

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dipilih sebagai mekanisme penyatuan masyarakat multietnik pelbagai bahasa di Malaysia. Bahasa Melayu dipilih bukan kerana ia merupakan bahasa penutur kepada orang Melayu. Sebaliknya bahasa Melayu merupakan kontrak sosial yang telah dipersetujui bersama, disulami dengan prinsip *jus soli*, iaitu pemberian kewarganegaraan kepada orang bukan Bumiputera. Justeru, pemilikan bahasa kebangsaan tidak boleh dilihat sebagai aset orang Melayu sebaliknya sebagai satu pemilikan aset bersama oleh semua etnik di Malaysia. Ini kerana, bahasa Melayu merupakan solidariti

budaya yang dapat menyatukan rakyat Malaysia yang bersifat heterogen untuk mencapai status negara maju (Hashim Musa & Rozita, 2014).

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan turut mempunyai nilai sejarah iaitu, bahasa Melayu telah menjadi bahasa dunia dan bahasa Lingua Franca yang telah menampakkan fungsinya di Tanah Melayu pada zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka. Bahasa ini telah digunakan oleh pedagang-pedagang luar dan mubaligh-mubaligh yang datang bagi urusan perdagangan dan penyebaran agama. Bahkan pegawai-pegawai British yang dihantar ke Tanah Melayu turut perlu mempelajari bahasa ini terlebih dahulu (Arkib Negara, nd; Asmah Haji Omar, 2008).

Menjangkau lebih daripada itu, hubungan-hubungan diplomatik antara Kerajaan-kerajaan Melayu dengan negara luar termasuk Barat turut menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi. Contohnya, surat daripada Sultan Muhammad Jiwa Mu'adzam Shah kepada Francis Light bertarikh 29 Oktober 1773 & surat daripada Sultan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Ahmad, Sultan Terengganu kepada Major Matt W.T. Taylor M.J Kolenal Sekretari di Singapura bertarikh 20 Oktober 1903 ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi (Asmah Haji Omar, 2008: 15). Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan bukan hanya disebabkan bahasa Melayu merupakan identiti orang Melayu namun sebenarnya bahasa Melayu telah diperakui pernah menjadi satu bahasa yang unggul di tanah Melayu suatu ketika dahulu dan sekiranya diambil iktibar melalui sejarah bahasa Melayu ini, tidak mustahil bahasa ini dapat memakmurkan tamadun Malaysia kini seperti mana ia perlu memakmurkan zaman Kesultanan Melayu Melaka suatu waktu dahulu.

Selain itu, bahasa yang dihargai bersama bukan hanya berperanan merapatkan hubungan antara ahli berlainan etnik malahan ia juga berperanan merapatkan jurang strata sosial dan wilayah. Satu bahasa yang dikongsi bersama dapat menggalakkan interaksi antara kelas atasan, menengah dan rendah serta penduduk Bandar dan luar Bandar. Apabila interaksi ini wujud, rasa tidak puas hati oleh sesetengah pihak yang merasakan dirinya terpinggir oleh kemajuan yang mengangkat bahasa yang hanya dikuasai oleh golongan elit dapat dielakkan. Kemajuan seharusnya secara menyeluruh dan mengambil kira ciri-ciri sepunya yang dimiliki oleh seluruh rakyatnya kerana kemajuan yang hanya mementingkan golongan elit dan meminggirkan golongan bawahan hanyalah bersifat sementara dan tidak kekal lama (Hashim Musa, 2012). Seharusnya, masyarakat perlu mengambil iktibar mengenai faktor

kebangkitan negara Barat, China, Korea dan Jepun adalah disebabkan oleh pemartabatan bahasa ibunda mereka sendiri bagi memastikan kemajuan secara menyeluruh kepada seluruh rakyatnya seterusnya memberi impak ketekalan kemajuan tersebut.

Sejarah memperlihatkan bahawa kekuatan sesuatu peradaban terletak kepada keupayaan bahasa peradaban tersebut (Siti Nor Azhani, 2016). Demikian kekuatan sejarah kebudayaan Malaysia terpancar pada perkembangan bahasa Melayu melalui perkembangan ilmu, penggarapan idea dan hasil pemikiran bangsa dalam kesusasteraan dan persuratannya (A. Aziz Deraman, 2000). Justeru, pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan merupakan teras pembinaan peradaban Malaysia. Pemartabatan bahasa kebangsaan dapat dicapai dengan adanya asas pengetahuan dan penguasaan bahasa yang baik dalam kalangan masyarakat tanpa mengira etnik.

Namun, pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan semakin rencam apabila Malaysia memasuki abad ke-21. Bidang-bidang penting pembangunan negara kelihatan mula meminggirkan bahasa Melayu sewaktu menghampiri abad ke-21 kerana kita telah hilang kesungguhan dalam memaju dan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara (A. Aziz Deraman, 2010; Nik Safiah, 2004). Pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia sebagai agenda pemersatuan dan kemajuan masyarakat multietnik mula pudar peranannya. Justeru, satu kajian telah dijalankan bagi melihat senario semasa pengetahuan masyarakat terhadap pemartabatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan yang menjadi teras peradaban Malaysia.

Objektif

Makalah ini berpandukan objektif iaitu mengenalpasti tahap pengetahuan mahasiswa universiti awam dan universiti swasta di Lembah Klang. Aspek yang dihuraikan dalam makalah ini merangkumi aspek: i) sejarah, ii) dasar dan iii) kedudukan Bahasa Melayu di dunia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan teknik tinjauan (survei) digunakan sebagai reka bentuk kajian. Penyelidikan telah dijalankan di empat universiti awam (UA) dan universiti swasta (US) di sekitar Lembah Klang yang telah terpilih secara rawak. Universiti yang terlibat ialah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia yang mewakili UA, manakala Universiti Multimedia dan Universiti Selangor mewakili US. Pemilihan secara rawak ini adalah berdasarkan cabutan kertas undian daripada senarai

penuh universiti awam yang berstatus universiti penyelidikan dan senarai penuh universiti swasta di Lembah Klang. Kawasan Lembah Klang dipilih kerana ia merupakan kawasan tumpuan IPT yang mana majoriti IPT di Semenanjung Malaysia berada di sekitar kawasan Lembah Klang dan ini membolehkan kajian dapat digeneralisasikan kepada fenomena sebenar yang berlaku di Semenanjung Malaysia.

Persampelan melibatkan seramai 460 orang responden iaitu pelajar ijazah pertama tahun ketiga dan keempat melalui kaedah pensampelan rawak berstrata dengan mengambil kira strata etnik. Pengumpulan data dijalankan melalui pengedaran borang soal selidik yang ditadbir sendiri oleh responden. Pengkaji terlebih dahulu telah mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian di setiap universiti yang terlibat melalui setiap Timbalan Naib Canselor Akademik (bagi UA) dan Presiden (bagi US). Ini bagi memenuhi prosedur etika kajian. Setelah kebenaran diperolehi daripada TNC(A) dan Presiden, pengkaji mendapatkan pula kebenaran daripada setiap dekan bagi fakulti yang telah terpilih.

Borang soal selidik dibina sendiri oleh kumpulan penyelidik. Bagi pemboleh ubah pengetahuan, terdapat 15 item dan 3 dimensi, iaitu dimensi i) sejarah, ii) dasar, dan iii) kedudukan bahasa Melayu. Penganalisan data dijalankan dengan dua kaedah, iaitu secara deskriptif dan inferensi dan menggunakan perisian SPSS. Perlu dinyatakan di sini bahawa kajian ini hanya meliputi mahasiswa yang menuntut di Lembah Klang sahaja. Dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh mahasiswa di seluruh universiti awam dan universiti swasta di Malaysia.

Dapatan Kajian & Perbincangan

a) Maklumat demografi responden yang terlibat dalam penganalisan adalah seperti di Jadual 1. Seterusnya, penganalisan bagi objektif kertas kerja ini telah dijalankan secara deskriptif dengan mengambil kira min, kekerapan dan peratusan.

Jadual 1. Demografi Responden

Demografi	Kekerapan (n=460)		%
Jenis IPT	IPTA	225	48.9
	IPTS	235	51.1
IPT	MMU	118	25.7
	UKM	118	25.7
	UM	105	22.8
	UNISEL	119	25.9
	Sains dan teknologi	223	48.5
Bidang pengajian	Sains sosial	237	51.5

Demografi	Kekerapan		
	(n=460)	%	
Tahun pengajian	Pertama	60	13
	Kedua	230	50
	Ketiga	128	27.8
	Keempat	42	9.1
Jantina	Lelaki	164	35.7
	Perempuan	296	64.3
Etnik	Melayu	269	58.5
	Cina	141	30.7
	India	50	10.9

Responden kajian telah diambil secara setara dari UKM dan UM yang mewakili universiti awam manakala MMU dan UNISEL mewakili universiti swasta. Begitu juga jumlah responden yang hampir setara diambil mewakili bidang Sains dan Teknologi serta Sains Sosial. Manakala kategori etnik pula telah diwakili oleh 58.5% responden Melayu, 30.7% responden Cina dan 10.9% responden India, yang telah mengambil kira nisbah populasi sebenar peratusan etnik di Malaysia.

Selain itu, majoriti responden adalah daripada kalangan mereka yang membesar di bandar (65%) berbanding daripada mereka yang membesar di luar bandar (35%). Majoriti responden juga mempunyai latar belakang pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (69.6%), manakala responden yang mempunyai latar belakang pendidikan di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan hanya 9.3%. Meninjau daripada aspek kelompok sosial pula, majoriti responden membesar dan tinggal dalam kalangan masyarakat majmuk (52.6%), disusuli dengan masyarakat majoriti Melayu (30.4%) dan Cina (15%).

b) Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap sejarah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Konstruk ini diukur dengan 5 item yang membabitkan pernyataan latar belakang bahasa kebangsaan, bahasa lingua franca semasa zaman kesultanan Melaka, bahasa perpaduan dan juga pengaruh bahasa lain seperti Arab, Sanskrit dan lain-lain. Pengukuran item berdasarkan dua jawapan daripada responden iaitu, tahu dan tidak tahu. Dapatan menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, iaitu lebih daripada 50%. Ini menunjukkan golongan mahasiswa mempunyai pengetahuan yang baik tentang sejarah dan latar belakang bahasa Melayu sebagai teras dalam pembinaan peradaban Malaysia.

Jadual 2. Tahap Pengetahuan Responden terhadap Sejarah Bahasa Kebangsaan

No. Item	Pernyataan	Betul	Salah	Tahap
		n (%)	N (%)	
1	Bahasa Melayu pernah berperanan sebagai bahasa lingua franca (J=Betul)	417	43	Tinggi
		90.7	9.3	
2*	Bahasa Melayu tidak digunakan dalam urusan pentadbiran dan perdagangan pada zaman kegemilangan Melayu Melaka (J=Salah)	83	377	Tinggi
		18.0	82.0	
3	Bahasa kebangsaan diwujudkan bagi mengeratkan perpaduan kaum (J=Betul)	427	33	Tinggi
		92.8	7.2	
4	Bahasa Melayu mempunyai pengaruh bahasa Sanskrit, Tamil, Cina dan Arab (J=Betul)	341	119	Tinggi
		74.1	25.9	
5	Bahasa Melayu telah wujud di tanah Melayu dari abad pertama lagi (J=Betul)	247	213	Tinggi
		53.7	46.3	
Keseluruhan				Tinggi

*Pernyataan yang salah

c) Jadual 3 menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap dasar kerajaan dan pihak yang menggubal polisi berkenaan bahasa kebangsaan. Konstruk ini diukur dengan 5 item yang membabitkan pernyataan mengenai dasar bahasa kebangsaan yang dijalankan oleh kerajaan dan juga dasar bahasa kebangsaan di peringkat IPT. Dapatan menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, iaitu lebih daripada 50%. Ini menunjukkan dasar dan usaha kerajaan memartabatkan bahasa Melayu perlu dipertingkatkan. Namun demikian terdapat 2 item yang menunjukkan tahap pengetahuan yang rendah (tidak tahu) mengenai dasar tentang bahasa Melayu, iaitu pernyataan tentang Bahasa Melayu bukanlah bahasa pengantar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan tetapi pengantarnya adalah bahasa ibunda etnik masing-masing. Di samping itu, majoriti responden

juga tidak mengetahui bahawa bulan bahasa kebangsaan adalah bulan September.

Jadual 3. Tahap Pengetahuan Responden terhadap Dasar Bahasa Kebangsaan

No. Item	Pernyataan	Betul	Salah	Tahap
		n (%)	N (%)	
6	Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan negara Malaysia (J=Betul)	448	12	Tinggi
		97.4	2.6	
7	Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di sektor-sektor awam (J=Betul)	423	37	Tinggi
		92.0	8.0	
8	Bahasa Melayu bukan merupakan bahasa pengantar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan (J=Betul, Jawapan yang betul ialah bahasa ibunda merupakan bahasa pengantar)	175	285	Rendah (Tidak tahu)
		38.0	62.0	
9	Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka antara salah satu usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan (J=Betul)	433	27	Tinggi
		94.1	5.9	
10*	Bulan September ialah bulan bahasa kebangsaan (J=Salah, Jawapan yang betul ialah bulan Oktober)	311	149	Rendah (Tidak Tahu)
		67.6	32.4	
Keseluruhan				Tinggi

*Pernyataan yang salah

d) Jadual 4 menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap kedudukan bahasa Melayu di peringkat dunia. Konstruk ini diukur dengan 5 item yang membabitkan pernyataan mengenai Bahasa Melayu diajar di IPT luar negara, mempunyai penutur di UK, mempunyai jumlah penutur lebih 250 juta dan merupakan 10 bahasa jumlah penuturnya. Pengukuran item berdasarkan dua jawapan daripada responden iaitu, tahu dan tidak tahu. Dapatan menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap persepsi yang tinggi (lebih 55%) bagi item 13, 14 dan 15. Walau bagaimanapun terdapat dua item yang menunjukkan peratusan yang rendah (tidak tahu) mengenai kedudukan Bahasa Melayu di peringkat global. Kedua-dua item tersebut ialah item 11 (Bahasa Melayu diajar di IPT luar negara termasuk Australia, Perancis, Belanda, German, Amerika Syarikat, Korea

dan China) dan item 12 (Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara Indonesia, Singapura dan Brunei). Hal ini kerana kebanyakan responden kurang tahu tentang adanya pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Melayu di IPT luar negara. Demikian juga, kebanyakan responden kurang arif bahawa bahasa Melayu bukanlah merupakan bahasa rasmi di Singapura. Hanya Malaysia, Indonesia dan Brunei mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara masing-masing.

Jadual 4. Tahap Pengetahuan Responden terhadap Kedudukan Bahasa Kebangsaan

No. Item	Pernyataan	Betul	Salah	Tahap
		n (%)	n (%)	
11	Bahasa Melayu diajar di IPT luar negara termasuk Australia, Perancis, Belanda, German, Amerika Syarikat, Korea dan China. (J=Betul)	229	231	Rendah
		49.8	50.2	
12	Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara Indonesia, Singapura dan Brunei (J=Salah)	147	313	Rendah
		32.0	68.0	
13	Bahasa Melayu turut mempunyai penutur di United Kingdom (J=Betul)	313	147	Tinggi
		68.0	32.0	
14	Bahasa Melayu mempunyai jumlah penutur lebih daripada 250 juta warga dunia.	293	167	Tinggi
		63.7	36.3	
15	Bahasa Melayu merupakan antara 10 bahasa terbesar jumlah penuturnya di dunia.	267	193	Tinggi
		58.0	42.0	
Keseluruhan				Tinggi

e) Jadual 5 menunjukkan tahap pengetahuan responden dalam kalangan etnik Melayu, Cina dan India tentang latar belakang bahasa Melayu secara umum. Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga etnik mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi mengenai sejarah (lebih 80%) dan dasar bahasa kebangsaan (lebih 90%). Ini disokong oleh dapatan kajian dalam Jadual 2 (Dimensi Sejarah) bahawa kesemua item memperlihatkan pengetahuan yang tinggi. Begitu juga dalam Jadual 3 (Dasar Bahasa Kebangsaan) juga memperlihatkan majoriti pengetahuan yang tinggi. Namun, tahap pengetahuan responden bagi dimensi 'kedudukan bahasa kebangsaan' menunjukkan

peratusan yang berbeza dalam kalangan etnik Melayu (66%), Cina (45%) dan India (46%). Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan respond bagi sejarah dan dasar adalah tinggi dan pengetahuan tentang kedudukan bahasa kebangsaan adalah sederhana tinggi. Sekain itu, kajian juga mendapati tahap pengetahuan tentang sejarah, dasar dan kedudukan bahasa kebangsaan bagi etnik Melayu adalah paling baik (95%), diikuti etnik India (84%) dan etnik Cina (83%).

Jadual 5. Tahap Pengetahuan, Responden dari Etnik Melayu, Cina dan India Terhadap Sejarah, Dasar dan Kedudukan Bahasa Kebangsaan

Dimensi	Tahap	Etnik			Jumlah
		Mela- yu	Ci- na	India	
		F %	F %	F %	
Sejarah	Tinggi	252 93.7	120 85.1	41 82.0	413 89.8
	Rendah	17 6.3	21 14.9	9 18.0	47 10.2
Dasar	Tinggi	256 95.2	136 96.5	47 94.0	439 95.4
	Rendah	13 4.8	5 3.5	3 6.0	21 4.6
Kedudu- kan	Tinggi	178 66.2	64 45.4	23 46.0	265 57.6
	Rendah	91 33.8	77 54.6	27 54.0	195 42.4
Keselur- uhan	Tinggi	256 95.2	116 82.3	42 84.0	414 90.0
	Rendah	13 4.8	25 17.7	8 16.0	46 10.0

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian memperlihatkan majoriti responden yang terdiri daripada mahasiswa pelbagai etnik mempunyai pengetahuan yang baik terhadap sejarah dan latar belakang bahasa kebangsaan. Mereka juga peka dengan beberapa dasar yang telah digubal oleh kerajaan berkaitan dengan kepentingan bahasa kebangsaan. Dapatan juga menunjukkan majoriti responden menyedari tentang kedudukan bahasa Melayu yang diperakui di peringkat antarabangsa. Situasi ini merupakan petanda positif kerana dengan adanya pengetahuan yang tinggi dalam kalangan masyarakat, memperlihatkan pengukuhan bahasa kebangsaan sebagai asas penting dalam pembinaan peradaban Malaysia.

Namun begitu, asas pengetahuan yang baik tidak mencukupi jika tidak disertai dengan kesepaduan tindakan iaitu penguasaan dan pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat. Bahasa kebangsaan adalah lambang perpaduan dan identiti sesebuah negara dan bangsa, justeru ia perlu dimartabatkan dan dijadikan

asas pertuturan harian oleh seluruh anggota masyarakat (Adlina et al, 2015). Namun begitu, terdapat juga segelintir rakyat yang menafikan kedudukan bahasa kebangsaan dan memartabatkan bahasa lain.

Pemartabatan bahasa kebangsaan merupakan agenda yang penting dalam masyarakat. Ini kerana peranan bahasa sebagai satu simbol sepunya dapat membentuk satu identiti bangsa kerana menggunakan satu bahasa yang dapat difahami bersama. Usaha memartabatkan bahasa kebangsaan dapat disamakan dengan keazaman untuk membina perpaduan antara etnik (Siti Nor Azhani, 2016). Justeru, mempertingkatkan martabat bahasa kebangsaan merupakan teras penting dalam memperkasakan tamadun Malaysia di abad ke-21 ini.

Rujukan

- A. Aziz Deraman. (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- A. Aziz Deraman (2010). *Wacana Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adlina Ab. Halim, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Ku Hasnita Ku Samsu & Hashim Musa. (2015). Pemartabatan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Pelbagai Etnik Di IPT. Kertas Kerja dibentangkan di *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX*, 3-4 November 2015, Universiti Putra Malaysia.
- Arkib Negara. (nd). Persada Kegemilangan Bahasa Melayu. Dicapai di: <http://www.arkib.gov.my/persada-kegemilangan-bahasa-melayu2> pada 10 April 2013.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hashim Musa. (2012, 16 Ogos). Bahasa dan Tamadun (Temu bual).
- Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2014). Peranan Bahasa Melayu dan Legasi Sejarah Penubuhan Malaysia dalam Penyemaian Cinta akan Negara Bangsa Malaysia. *Pertanika Mahawangsa*. 1(1), 19-42.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Dicapai di <http://www.statistics.gov.my/portal/images/stories/files/LatestReleases/banci/jadual1.pdf> pada 20 April 2012
- Kohn, Hans. (1967). *Ideal of Nasionalism*. New York: Collier Book.
- Nazaruddin Mohd Jali, Maarof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah & Ismail Mohd Rashid. (2003). *Penagjian Malaysia: Kenegaraan dan Kewarganegaraan*. (Edisi Kedua). Selangor: Prentice Hall

- Nik Safiah Karim. (2004). *Bahasa Melayu Sedekad Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teo Kok Seng. (2010). Lokus Bahasa Melayu dalam Gagasan 1Malaysia: Alat Perpaduan Bangsa dan Kemajuan Negara. Himpunan Kertas kerja *Persidangan Nasional Paradigma Baru Perpaduan Bangsa* (ms. 76-86). Kuala Lumpur: Majlis Profesor Negara.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2016). *Pengaruh Semangat Kekitaan dan Penghayatan Sejarah Terhadap Bahasa Kebangsaan dalam Kalangan Mahasiswa Pelbagai Etnik di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. (Tesis Ph.D tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.